

Berikan respons perbualan berdasarkan petikan di bawah.

Pemasangan Jeriji Tingkap di Rumah

Puan Farah telah membeli rumah baharu untuk keluarganya. Dia memasang jeriji pada semua tingkap di rumahnya. Jeriji tingkap amat penting untuk keselamatan nyawa penghuni rumah supaya penceroboh tidak dapat memasuki rumah. Pemasangan jeriji ini boleh dibuka oleh penghuni dari dalam rumah manakala penceroboh tidak dapat membuka jeriji dari luar. Penghuni boleh membuka jeriji tersebut dengan mencabut pin keselamatan. Kemudian, penghuni boleh membuka jeriji tersebut.



Alia: Ibu, mengapakah ibu memasang jeriji pada semua tingkap di rumah baharu kita?

Ibu: Pemasangan jeriji ini adalah untuk _____

Alia: Oh, begitu! Adakah jeriji tingkap ini boleh dibuka dari dalam rumah?

Ibu: _____

Alia: Apakah cara-cara untuk membuka jeriji tingkap tersebut?

Ibu: _____

Alia: Oh, saya baru tahu pemasangan jeriji tingkap ini sangat penting untuk keselamatan nyawa kita daripada penceroboh!

Ibu: Jeriji tingkap ini bukan sahaja dapat menjaga keselamatan nyawa kita daripada penceroboh. Pada pandangan kamu, apakah fungsi lain jeriji tingkap ini?

Alia: Pada pandangan saya, jeriji tingkap ini juga berfungsi untuk _____

Ibu: Benar sekali.

Alia: Pada pendapat ibu, mengapa masih terdapat banyak kes penceroboh memasuki rumah walaupun rumah tersebut mempunyai jeriji tingkap?

Ibu: Pada pendapat ibu, _____
